




Berita@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



KANDUNGAN

- MAJLIS PERASMIAN MINGGU HALUAN SISWA
- SESI PENDAFTARAN PELAJAR BARU SESI 2009/2010
- HARI KUALITI UTeM 2009
- SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI KALI KE 34
- KOR SUKSIS UTeM MENGGEGAR DI UPM
- UTeM MENANG DUA KATEGORI KERTAS KERJA TERBAIK DI MUCEET 2009
- MAJLIS PENYEMATAN PANGKAT & BACAAN IKRAR KOMANDAN DAN ANGGOTA SKUAD 2/07 & 3/08 KOR SUKSIS UTeM
- BAKTI SISWA PERDANA UTeM 2009: MAHASISWA PEMACU KEMAJUAN MASYARAKAT
- MAJLIS ANJUNG BITARA
- KUNJUNGAN TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN SRI LANKA
- KUNJUNGAN DELEGASI NAMIBIA KE UTeM
- SEMINAR PEMBUATAN OLEH PROF. BERNARD HON UNIVERSITY OF LIVERPOOL
- UTeM TERIMA KUNJUNGAN PROF. PATRICK JAMES (UniSA)
- FOKUS LENSA
- MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA TUN CANSOLOR UTeM



Perasmian MINGGU HALUAN SISWA SESI 2009/2010 oleh MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

30 Jun 2009 – Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohd Khaled bin Nordin telah merasmikan Minggu Haluan Siswa Sesi 2009/2010 (MHS) yang diadakan di Dewan Bankuet Seri Negeri, Ayer Keroh hari ini.

Pada majlis tersebut, seramai 1,616 orang pelajar baru telah membaca ikrar di hadapan Dato' Seri Mohd Khaled sebagai simbolik bermulanya detik kehidupan sebagai mahasiswa di universiti ini. Turut hadir ialah Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan yang lain.

Dato' Seri Mohd Khaled dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada semua pelajar baru yang telah terpilih untuk mengikuti sesi pengajian di UTeM pada kali ini. Para pelajar ini adalah mereka yang telah terpilih di antara 60,000 calon yang memohon untuk melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh Malaysia.

Kata beliau lagi, sebagai sebuah IPTA yang masih baru, UTeM menunjukkan perkembangan yang membanggakan selain menawarkan proses pengajaran dan pembelajaran yang unik berteraskan aplikasi dan amalan. Bidang tujuh (Niche Area) iaitu Teknologi Pembuatan Termaju yang telah ditetapkan juga memberi nilai tambah kepada program akademik yang ditawarkan di sini.

Beliau berharap agar para mahasiswa dan mahasiswi yang diberikan peluang keemasan untuk melanjutkan pengajian di UTeM tidak mensia-siakan peluang yang telah diberi dengan belajar bersungguh-sungguh agar mampu menjadi modal insan yang akan menyumbang kepada kemajuan teknologi negara sebaris dengan negara-negara maju di dunia.

EDITOR BERITA@UTeM

- KETUA EDITOR :**
PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
- PENOLONG KETUA EDITOR :**
FARADILA BINTI MD. YUSOF
- WARTAWAN :**
RUZAIMAN BIN ABDUL RAHMAN
BOB FAIZELI BIN MOHAMED DIN
- GRAFIK & REKALETAK :**
AZIZA BINTI MD BUANG
SURIA BINTI ABDUL RAHMAN
- JURUFOTO :**
MD. SALEH
NUR
MOH
PEN
AL R
URU
AZLI
azli

LG
173
.M44
.B47
2009
a
June

LG173.M44 .B47 2009 June



87516168

Majlis Hari Kualiti '09

23 Jun 2009: Seramai 120 orang staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada Majlis Hari Kualiti UTeM 2009 yang berlangsung dalam suasana penuh kemeriahan di Grand Ballroom, Melaka International Trade Centre (MITC). Seluruh warga UTeM hadir bagi meraikan penerima anugerah yang telah mempamerkan prestasi cemerlang pada tahun 2008 itu.

Seluruh warga UTeM mula memenuhi dewan seawal jam 8.00 pagi. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan UTeM Terbilang. Ini diikuti dengan ucapan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan.

Naib Canselor UTeM, dalam ucapannya berkata anugerah yang diberikan amat bererti kerana ia adalah satu penghargaan yang diberikan oleh pihak pengurusan kepada staf yang telah memberikan prestasi yang cemerlang di dalam melaksanakan tugas mereka. Ini boleh dijadikan sebagai satu motivasi kepada semua staf agar berusaha dengan lebih gigih demi melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Pemilihan calon bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) ini telah dibuat dengan teliti berdasarkan prestasi, budaya kerja, kegigihan dan kerjasama berpasukan yang telah ditunjukkan. Pada majlis ini, tiga kategori anugerah telah disampaikan iaitu Anugerah Khidmat Cemerlang, Anugerah Khidmat Terpuji dan Anugerah Khidmat Bakti.

Menurut beliau lagi semua orang perlu tahu mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing agar semua perkara yang dilakukan mempunyai visi dan misi tertentu selaras dengan Pelan Strategik 2009-2010 UTeM yang telah digubal baru-baru ini.

Beliau juga turut menyenaraikan Lapan Kompetensi Teras Profesional Berilmu yang wajar menjadi teras kepada semua pekerja. Menurut beliau, "Kecemerlangan organisasi terletak pada aset iaitu modal insan. Modal insan berilmu, memiliki kemahiran yang bersesuaian dan berfikiran strategik dan sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran".

"Seluruh warga UTeM seharusnya menetapkan sasaran untuk mencapai tahap cemerlang. Strategi untuk mencapai kecemerlangan adalah dengan menasaskan tahap luar biasa. Perkataan cemerlang selalu ditakrifkan sebagai pencapaian yang lebih baik, jauh dari kebiasaan yang telah dicapai sama ada individu mahupun organisasi. Maka inilah sasaran kita, untuk menjadi yang luar biasa" katanya lagi.

Kemuncak majlis pada pagi itu adalah dengan penyampaian anugerah kepada lebih 120 warga UTeM yang terdiri daripada pelbagai jawatan dari segenap PTJ UTeM. Penerima anugerah ini diharapkan agar terus memberikan khidmat yang cemerlang agar boleh menjadi contoh kepada staf yang lain.




Berita@UTeM mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima anugerah. Semoga kejayaan yang dikecap dapat mendorong rakan sekerja yang lain untuk terus berusaha ke arah tahap luar biasa serta memartabatkan budaya kerja berpasukan dan berpandangan jauh seperti yang diharapkan oleh Naib Canselor.





SESI PENDAFTARAN PELAJAR BARU SESI 2009/2010



28 Jun 2009 – Seramai 1,616 pelajar baru telah mendaftarkan diri untuk mengikuti sesi pengajian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang berlangsung di Kompleks Sukan, Kampus Induk UTeM Durian Tunggal hari ini.

Para pelajar ini akan mengikuti program Minggu Haluan Siswa Sesi 2009/2010 yang bermula pada hari ini sehingga 3 Julai 2009. Pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan seperti sesi ceramah dan lawatan sekitar kampus bagi memberikan pendedahan meluas kepada mahasiswa di sekitar kampus.

Semasa sesi pendaftaran ini, turut diadakan sesi taklimat oleh dekan-dekan fakulti serta pameran yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di UTeM. Seawal jam 7.00 pagi, para pelajar telah mula memenuhi Kompleks Sukan UTeM untuk mendaftar dengan diiringi oleh keluarga dan ibu bapa.

Sementara itu, seramai enam orang pelajar dari Indonesia yang akan memulakan pengajian di UTeM terpaksa di kuarantin sebagai langkah berjaga-jaga kerana penularan virus influenza A atau H1N1. Mereka ditempatkan di Asrama Murni selama seminggu untuk memastikan mereka bebas daripada wabak tersebut.

Semester akademik Sesi 2009/2010 ini juga memberi signifikan besar kepada universiti kerana buat pertama kalinya pelajar bagi Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) yang baru ditubuhkan pada bulan Februari yang lalu, mula mendaftarkan diri. Buat masa ini FPTT menawarkan tiga program prasiswazah dan program-program pascasiswazah yang lain berkaitan pengurusan dan keusahawanan.



UTeM MENANG **2** KATEGORI KERTAS KERJA TERBAIK DI MUCEET 2009



Dua kertas kerja yang dihasilkan oleh warga UTeM dianugerahkan kertas kerja terbaik semasa Persidangan Kejuruteraan dan Teknologi Universiti Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology - MUCEET 2009*) yang telah diadakan di Kuantan, Pahang pada 20 hingga 22 Jun yang lepas.

Penulis kertas kerja bertajuk "*Simulation Of An Active Front Bumper System For Frontal Impact Protection*" dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah memenangi kategori Science & Engineering. Penulis Kertas Kerja bertajuk "*The Effect of Modified UNBabc Mapping Function On the Improvement of Global positioning System Tropospheric Delay*" dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) pula telah memenangi kategori Social Science & Management & Others.


Persidangan MUCEET 2009 dianjurkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Oleh : Zainudin bin Ahmad

KOR SUKSIS UTeM **MENGGEGAR** DI UPM



21 Jun 2009 UPM – Seramai 39 orang anggota Kor SUKSIS UTeM telah mencatat sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya anggota Kor SUKSIS UTeM telah menyempurnakan latihannya. Sijil Pelantikan Tamat Latihan telah disampaikan oleh YDH Tan Sri Musa bin Dato' Haji Hassan, Ketua Polis Negara dalam majlis gilang-gemilang yang telah diadakan di Universiti Putra Malaysia.



Semasa latihan bersama, untuk Majlis Perbarisan Tamat Latihan yang dianggotai oleh Kor SUKSIS daripada 15 buah IPTA, Kor SUKSIS UTeM telah menunjukkan kehebatan dengan memiliki fizikal 'fitness' yang tinggi disamping kesempurnaan berkawat.

Dalam majlis tersebut seramai tiga orang anggota Kor SUKSIS UTeM telah menerima sijil anugerah dalam bidang masing-masing

Dalam ucapannya Tan Sri Musa memaklumkan bahawa anggota Kor SUKSIS yang telah berjaya menamatkan latihan akan diberi keutamaan untuk dilantik sebagai Inspektor anggota tetap PDRM. Semoga ia menjadi pemangkin kepada mahasiswa-mahasiswi UTeM untuk menceburkan diri dalam Kor SUKSIS yang menjulang nama UTeM di kalangan masyarakat.



SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI KALI KE 34 **UTeM UNGGULI ACARA OLAHRAGA**


3-14 Jun 2009: Kontinjen UTeM yang menyertai Sukan Staf Antara Universiti Kali ke 34 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) diberi pujian di atas prestasi yang membanggakan sepanjang kejohanan diadakan.

UTeM telah menyertai 10 acara yang dipertandingkan antaranya bola sepak, bola tampar, futsal, olahraga serta tenpin bowling. Pasukan olahraga UTeM telah melakar sejarah tersendiri dengan memenangi beberapa pingat serta mencatatkan rekod baru kejohanan. Pingat emas telah disumbangkan oleh gandingan Shamsul Bahari Bin Azraai, Mohd Zain Bin Kasri, Yahaya Bin Mod Amin dan Shahrhan Bin Moksen melalui acara 4 x 100 meter. Lebih membanggakan apabila Shahrhan Bin Moksen telah mencipta rekod baru kejohanan dalam acara lompat jauh.

Kejayaan demi kejayaan terus memihak kepada kontinjen UTeM apabila Khairul Nizam Bin Minhat merangkul pingat perak bagi acara lompat jauh. Sementara itu acara merejam lembing turut menyumbang pingat apabila Abdul Wahid Bin Sulaiman memenangi pingat perak manakala Shamsul Bahari Bin Azraai merangkul perak dalam acara 100 meter pecut.

Bagi acara lempar cakera dan lontar peluru, UTeM telah meraih pingat gangsa melalui Abdul Wahid Bin Sulaiman dan Ab. Rahim Bin Muslim. Shamsul Bahari Bin Azraai sekali lagi menyumbangkan pingat gangsa dalam acara 200 meter sekaligus meletakkan UTeM di tangga ke tujuh daripada 21 kontinjen yang bertanding bagi acara olahraga.

Seluruh warga UTeM amat berbangga dengan pencapaian yang telah ditunjukkan oleh pasukan olahraga serta pasukan-pasukan lain yang berjuang berhabis-habisan demi mengharumkan nama universiti.



MAJLIS PENYEMATAN PANGKAT & BACAAN IKRAR KOMANDAN DAN ANGGOTA SKUAD 2/07 & 3/08 KOR SUKSIS UTeM

25 Jun 2009: Auditorium Canselori sekali lagi menjadi saksi kepada satu lagi upacara bersejarah kepada Kor SUKSIS UTeM. Pada tarikh tersebut, telah berlangsungnya Majlis Penyematan Pangkat YDH ACP/KS kepada Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan yang juga selaku Komandan Kor SUKSIS UTeM.

Majlis ini lebih bermakna apabila YDH SAC 1 Datuk Mazlan Bin Mansor, Ketua Polis Melaka hadir untuk menyempurnakan majlis. Beliau diiringi oleh para Pegawai-pegawai tinggi PDRM Ibu Pejabat Daerah (IPD) dan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Melaka.

Ketibaan YDH ACP/KS Prof. Dr. Ahmad Yusoff dan YDH SAC 1 Datuk Mazlan di Dataran Canselori telah disambut dengan perbarisan Kawalan Kehormatan oleh anggota Skuad 2/07 dan 3/08 yang segak beruniform dan lengkap bersenjata. Mereka kemudiannya menggegarkan suasana sewaktu mempersembahkan Tarian Perang yang nyata memukau para hadirin.

Kemuncak majlis pada pagi itu ialah apabila YDH ACP/KS Prof. Dr. Ahmad Yusoff disematkan pangkat oleh YDH SAC 1 Datuk Mazlan dengan disaksikan oleh semua anggota skuad dan para pegawai yang hadir. Majlis kemudiannya menyaksikan lafaz ikrar taat setia oleh Komandan dan anggota Skuad 2/07 dan 3/08.

YDH SAC 1 Datuk Mazlan dalam ucapannya memuji anggota Kor SUKSIS UTeM yang dilihatnya setanding dengan anggota tetap PDRM sewaktu perbarisan Kawalan Kehormatan. Beliau turut melahirkan penghargaan kepada UTeM kerana sentiasa memberikan komitmen tinggi terhadap aktiviti-aktiviti Kor SUKSIS. Di samping itu, beliau turut menyarankan agar pihak Universiti giat mempromosikan Kor SUKSIS agar bilangan penyertaan mahasiswa bertambah dan seterusnya menjadikan polis sebagai kerjaya pilihan.

BAKTI SISWA PERDANA UTeM 2009: MAHASISWA PEMACU KEMAJUAN MASYARAKAT

19 - 21 Jun 2009 : Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Gadek telah terpilih sebagai destinasi Bakti Siswa Perdana UTeM pada tahun ini. Bertemakan 'Mahasiswa Pemacu Kemajuan Masyarakat', program sebegini dilihat dapat memberikan manfaat dan impak positif kepada mahasiswa agar sentiasa menanam semangat perpaduan, permuafakatan dan interaksi sosial dengan masyarakat sekeliling.

Program tahunan ini dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) serta mendapat sokongan penuh wakil rakyat DUN Gadek, Y.B Datuk Hj. Abdul Ghaafar Bin Hj. Atan.

Pelbagai aktiviti kemasyarakatan telah diadakan sepanjang tiga hari program tersebut. Para peserta program bermalam dan beramah mesra di rumah keluarga angkat masing-masing yang begitu mengalu-alukan kedatangan mereka ke sana. Aktiviti gotong-royong, sukaneka rakyat dan bimbingan kepada anak-anak penduduk kampung turut diadakan. Aktiviti sebegini telah berjaya memasyarakatkan universiti di samping dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan yang demikian para mahasiswa dengan masyarakat setempat.



Majlis Anjung Bitara



29 Jun 2009 - Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) buat julung-julung kalinya telah menganjurkan Majlis Anjung Bitara bagi sebagai simbolik kepada pelancaran buku-buku yang telah diterbitkan pada tahun ini.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Yaakub Md. Amin yang mewakili Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam.

Buku-buku yang diterbitkan ialah Review on Statistics, Hukum Merokok: Dari Perspektif Islam dan Journal of Human Capital Development. Selain itu juga, satu siri 21 Tajuk Biografi Mantan Wakil Rakyat yang diterbitkan dengan kerjasama MUBARAK Melaka turut dilancarkan pada majlis ini.

KUNJUNGAN TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN SRI LANKA



22 Jun 2009 - Timbalan Menteri Pendidikan Sri Lanka, Hons. M. Satchithanathan telah mengadakan lawatan ke UTeM baru-baru ini. Kunjungan beliau ke UTeM adalah untuk meninjau segala kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang terdapat di sini yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar dari Sri Lanka. Beliau juga tertarik terhadap status Bandaraya Melaka yang merupakan Tapak Warisan Dunia.

Timbalan Menteri Pendidikan Sri Lanka itu turut dibawa melawat ke sekitar Kampus Induk untuk melihat pembangunan yang pesat dijalankan. Sesi perbincangan turut diadakan dengan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain dan dekan-dekan fakulti.

SEMINAR PEMBUATAN oleh PROF. BERNARD HON UNIVERSITY OF LIVERPOOL

11 Jun 2009 - Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan Seminar Pembuatan bertempat di Auditorium Kampus Induk UTeM. Satu sesi ceramah oleh Prof. Bernard Hon juga telah diadakan semasa seminar tersebut.

Prof. Bernard Hon merupakan Ketua Manufacturing Engineering Group di Jabatan Kejuruteraan, University of Liverpool. Beliau berpengalaman luas di dalam penyelidikan teknologi dan sistem pembuatan serta terlibat secara aktif dengan badan-badan professional di peringkat antarabangsa.

Ceramah bertajuk 'Innovation by Design' dan 'Direct Writing Technology - Advances and Development' telah disampaikan oleh Prof. Bernard Hon dalam dua sesi dengan dihadiri oleh warga akademik UTeM. Turut hadir ke seminar ini ialah Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr. Mohd Rizal Bin Salleh.



KUNJUNGAN DELEGASI NAMIBIA ke UTeM



25 Jun 2009 - UTeM menjadi destinasi pilihan kunjungan delegasi dari Namibia yang diketuai oleh Mr. Pohamba Shifeta, Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Kebudayaan Namibia. Kunjungan yang penuh bermakna ini telah disambut oleh para pegawai daripada Bahagian Pengurusan Akademik dan Antarabangsa yang turut mengadakan sesi dialog bagi memperkenalkan UTeM kepada delegasi yang datang dari Benua Afrika itu.


Kunjungan delegasi Namibia ke UTeM adalah bertujuan untuk melihat peluang-peluang pendidikan yang boleh diberikan kepada pelajar-pelajar dari Negara itu. Dengan kunjungan ini diharapkan agar kedua-dua pihak akan berpeluang untuk meningkatkan kerjasama dalam meningkatkan mutu pendidikan di pihak masing-masing.

UTeM TERIMA KUNJUNGAN PROF. PATRICK JAMES (UniSA)

15 Jun 2009 - Prof. Patrick James dari University of South Australia (UniSA) telah meluangkan masa untuk melawat UTeM semasa kunjungan beliau ke Malaysia baru-baru ini. Beliau yang merupakan Ketua *School of Natural & Built Environment UniSA* telah disambut oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohd Diah serta Dekan-dekan fakulti. Kunjungan Prof. Patrick James adalah lanjutan daripada kunjungan mantan Naib Canselor UTeM yang telah berkunjung ke UniSA tidak lama dahulu.

Prof. Patrick James telah diberi taklimat mengenai pembangunan di Kampus Induk serta perkembangan dalam bidang akademik dan kejayaan penyelidikan. Beliau juga turut berkongsi maklumat mengenai perkembangan akademik di UniSA.





Lawatan SMK Tiang Chandu, Pasir Mas, Kelantan



Lawatan Sek. Men. Teknik Tuanku Jaafar, Seremban

FOKUS Lensa



Pameran Pendidikan di Pekan Baru, Riau



Perbincangan Bersama Prof. Bernard Hon

Kunjungan Hormat Dr. Terry Jeves



Majlis Pelancaran Mobile Content Challenge 2009

Bengkel Kenali Diri Siri 3



17th Conference of Commonwealth Education Ministers

MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA TUN CANSELOR UTeM

26 Jun 2009 – Majlis Ramah Mesra Bersama Tun Canselor telah berlangsung dalam suasana yang meriah di dusun durian Kampus Induk baru-baru ini. Cuaca yang baik pada petang itu ditambah pula dengan hidangan pelbagai jenis buah-buahan tempatan terutama sekali durian telah membuka selera para tetamu yang hadir pada petang tersebut.

Ketibaan Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob ke dusun durian pada jam 3.30 petang telah disambut oleh Y. Bhg. Prof. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM serta Pegawai-pegawai Kanan Universiti yang lain. Tun Canselor dan para tetamu dijamu dengan durian yang dikutip di Dusun UTeM.

Majlis yang diadakan di dalam suasana yang santai ini memberikan ruang yang selesa kepada semua yang hadir untuk beramah mesra bersama Tun Canselor sambil menikmati kelazatan durian yang dihidangkan bersama pulut dan santan di samping buah-buahan tempatan lain.

Tun Canselor kemudiannya dibawa melawat sekitar dusun durian sambil diiringi oleh Naib Canselor dan Pegawai-pegawai Kanan yang lain. Tun Canselor begitu kagum dan sangat tertarik dengan kehijauan flora yang masih terpelihara dan dijaga dengan rapi oleh pihak UTeM.

Pada penghujung majlis, Tun Canselor telah menanam sebatang pokok mangga jenis Melaka Delight sebagai tanda kenangan di atas lawatan beliau ke situ. Sebelum berangkat pulang, Tun Canselor melahirkan rasa puas hati serta berharap agar majlis seperti ini dapat dianjurkan selalu agar keakraban yang terjalin sesama warga Universiti dapat diertatkan lagi.



Selamat Pengantin Baru

Berita@UTeM ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pasangan-pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan mereka pada bulan Jun:

- Ed. Soffuan Bin Yusof (Pusat Komputer) & Mazlinda Wati Binti Haron
- Mohd Safuan bin Bidin (HEPA) & Noor Khadiati binti Hj. Abu Bakar
- Roslan bin Siron (Pembangunan) & Suzita Binti Yusof
- Norhafizan Bin Md Yusof (FTMK) & Amiza Binti Talib
- Nor Aini Binti Ismail (FTMK) & Asri Bin Mohamad
- Shaiful Nizam Bin Abd. Karim (Pusat Sukan) & Nur Ashikin Binti Aziz

Kami mengucapkan Selamat Pengantin Baru dan sentiasa mendoakan kebahagiaan dan kesejahteraan yang berkekalan sepanjang hayat.

kids time

Tahniah

diucapkan kepada warga UTeM yang telah menimang cahaya mata baru-baru ini.

En. Mohd. Rizuan Bin Baharon (FTMK) menimang cahayamata perempuan pada 9 Jun 2009.